

10/05/2003

Malaysia akan miliki makmal penyakit kebal ubat

ALOR STAR: Malaysia akan memiliki tiga makmal dilengkapi kemudahan teknologi tinggi perubatan atau P3 untuk menjalankan kajian pantas mengenai punca penyakit yang kebal terhadap ubat.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata, pada masa yang sama, kerajaan juga bercadang membina makmal perubatan paling canggih atau P4, sebaik saja pakar bagi mengendalikannya ditemui.

Beliau berkata, makmal P3 itu akan mempunyai peralatan berteknologi tinggi untuk mengkaji kuman atau virus seperti SARS, Nipah dan virus lain

yang mungkin akan muncul dan mengancam manusia.

Tiga makmal P3 itu, katanya, diwujudkan di Pusat Penyelidikan Perubatan

(IMR) di sebelah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Sungai Buluh dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Makmal di IMR itu sudah dinaik taraf menjadi P3 dan beroperasi sejak satu setengah tahun lalu dan kini menjadi satu-satunya makmal P3 di rantau

ini dan Asia, katanya.

"Makmal P3 di Hospital Sungai Buluh, yang akan dikenali sebagai Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, pula dijangka beroperasi tahun depan selepas sebaik saja selesai kerja-kerja melengkapkannya dengan kemudahan paling canggih menggunakan peruntukan tambahan RM5 juta yang diluluskan kabinet baru-baru ini.

"Cuma makmal di PPUM yang belum dapat dipastikan tarikh penubuhannya," katanya selepas melawat klinik dan wad SARS di Hospital Alor Star, semalam. Beliau turut diberi taklimat mengenai taraf kesihatan dan kemudahan yang disediakan di hospital seluruh Kedah.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata kerajaan akan menubuhkan sebuah makmal lengkap bagi menjalankan kajian pantas mengenai punca penyakit kebal terhadap ubat berikutan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Chua berkata, sebagai seorang doktor, Dr Mahathir faham kepentingan perancangan awal yang perlu dilakukan bagi menangani penyakit yang kebal terhadap ubat.

Mengenai makmal P4 itu, beliau berkata, ketika ini hanya Australia yang

mempunyai makmal itu, dikenali sebagai Makmal Kesihatan Haiwan.

"Kita belum ada pakar untuk mengendalikan makmal P4, tapi pada masa depan kita akan tubuhkan makmal P4 yang dikendalikan pakar tempatan," katanya.

Chua juga berkata, mesyuarat Menteri Kesihatan + 3 di Bangkok baru-baru

ini, telah memberi tanggungjawab kepada Malaysia untuk menubuhkan rangkaian makmal dengan negara terbabit untuk berkongsi maklumat mengenai

sesuatu penyakit atau virus.